

## Pengajaran *Balaghah* Peringkat STPM di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Abdul Hakim Abdullah

### ABSTRACT

*This research is a descriptive and evaluative study of the teaching of Arabic Rhetoric at the STPM level in the National Religious Secondary Schools (SMKA). The aims of this study are to evaluate the teaching of Arabic Rhetoric at the STPM level in the schools and to identify problems encountered in the implementation of the programme. To achieve these aims, three instruments were used: document analysis, classroom observation and questionnaires. The analyzed documents were the STPM Arabic Language Syllabus 1999, the text book "al-Murshid fi Ilm al-Balaghah" and the STPM Balaghah question papers for years 2000 and 2001. The sample for classroom observation consisted of 11 teachers and 228 students from 10 National Religious Secondary Schools in 5 states. Whereas, the sample for questionnaires involved 22 teachers and 260 students from 20 National Religious Secondary Schools in 10 states. The findings of this study indicate that the teaching of Arabic Rhetoric at the STPM level in the National Religious Secondary Schools is not compatible with theories of teaching Arabic Rhetoric and the implementation of the programme does not lead to the achievement of the goals and objectives stated in the syllabus. This study also found that the teaching of Arabic Rhetoric at the STPM level in the National Religious Secondary Schools has faced various problems encompass aspects related to aims and objectives, syllabus content, teaching materials, teaching methodology and assessment. The findings of this study suggest that there is a need to carry out a comprehensive study in developing appropriate syllabus for Arabic Rhetoric in order to improve the success of teaching Arabic Rhetoric at the STPM level in particular and at other levels in general.*

## Pendahuluan

*Balaghah* ialah satu cabang ilmu Bahasa Arab yang membicarakan tentang ketetapan ungkapan yang dihasilkan dengan kehendak konteks beserta dengan kefasihannya. Ia dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu *Ma'ani*, *Bayan* dan *Badi'*. Ilmu *Ma'ani* berfungsi untuk mengelak daripada berlakunya kesilapan ketika menyampaikan sesuatu maksud khususnya dari segi kesesuaian kata-kata yang diungkapkan dengan kehendak konteks. Ilmu *Bayan* pula berfungsi untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan pelbagai cara yang berbeza-beza dari segi kejelasan perlambangannya. Manakala ilmu *Badi'* pula berfungsi untuk mengindahkan ungkapan sama ada dari segi lafaz atau makna. Gabungan ketiga-tiga komponen utama ilmu *Balaghah* ini diharap dapat merealisasikan matlamat dan objektif pengajaran ilmu *Balaghah* iaitu pembentukan keupayaan Bahasa Arab dan pemupukan cita rasa sastera sehingga pelajar mampu menghasilkan ungkapan yang indah, fasih, bersesuaian dengan konteks serta dapat memahami, menikmati dan menilai bentuk-bentuk sastera yang berbeza-bagai.

Tidak ada bukti yang jelas tentang tarikh bermulanya ilmu *Balaghah* diperkenalkan di negara ini. Walau bagaimanapun, apabila sistem pendidikan madrasah dimulakan pada awal kurun ke-20, ilmu *Balaghah* telah dijadikan sebagai satu mata pelajaran teras dalam kurikulum pendidikan Islamnya. Keadaan ini berterusan sehinggalah ke hari ini apabila *Balaghah* menjadi satu komponen yang wajib diambil oleh semua pelajar sekolah menengah yang mengikuti aliran agama-Arab peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Kesedaran tentang kepentingan *Balaghah* dalam perkembangan bahasa Arab pelajar telah mendorong pihak Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk menggubal semula sukatan pelajaran Bahasa Arab peringkat STPM. Tambahan pula, terdapat desakan supaya sukatan pelajaran yang lama diubah memandangkan ia lebih banyak menumpukan kepada sejarah kesusasteraan Arab dan kurang menekankan kepada pemantapan kemampuan Bahasa Arab pelajar (Osman Khalid 1990: 6). Satu Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Bahasa Arab telah diwujudkan yang dianggotai oleh beberapa pensyarah universiti dan maktab perguruan, guru sekolah dan wakil daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Akhirnya, pada tahun 1999, sukatan pelajaran Bahasa Arab STPM yang baru berjaya dihasilkan. Dalam sukatan pelajaran yang baru ini, ilmu *Balaghah* diberikan kedudukan yang lebih wajar berbanding sukatan pelajaran yang lama. Dalam sukatan pelajaran yang baru, mata pelajaran *Balaghah* menyumbang sebanyak 40% daripada markah keseluruhan peperiksaan Bahasa Arab STPM kertas dua. Penggubalan semula sukatan pelajaran Bahasa Arab peringkat STPM adalah satu usaha yang menggalakkan dan bermakna dalam memartabatkan pengajaran *Balaghah* khususnya dan Bahasa Arab amnya.

## Beberapa Isu dalam Pengajaran *Balaghah*

Pada hari ini, terdapat pelbagai kritikan dan pandangan terhadap pengajaran *Balaghah* yang dikemukakan oleh para pengkaji Arab mahu pun tempatan. Abdullah Tahmim (1999: 33) melahirkan rasa kurang senangnya terhadap pelaksanaan pengajaran *Balaghah* di sekolah-sekolah kerana beliau merasakan wujud sesuatu yang pincang dalam pengajaran ilmu *Balaghah*. Muhammad Id (1974: 223) pula berpendapat pengajaran ilmu *Balaghah* tidak banyak sumbangannya, malahan menyimpang daripada keperluan semasa dan roh sastera. Dalam menyokong pandangan tersebut, Ab. Rahim Haji Ismail (1999: 185) menyatakan bahawa pengajaran *Balaghah* yang berlaku tidak banyak menyumbang ke arah pemupukan cita rasa sastera dan perkembangan keupayaan bahasa di kalangan pelajar. Menurut Fathi Farid (1973: 742), pengajaran *Balaghah* tidak berlaku secara wajar, jumud dan gagal membimbing pelajar menghasilkan kata-kata yang mempunyai nilai *Balaghah*. Menyentuh tentang fokus pengajaran yang sering dipraktikkan, Ali Ahmad Madkur (1999: 216) berpendapat bahawa pengajaran ilmu ini lebih mementingkan hafalan definisi dan kaedah tanpa meneroka dan menilai ciri-ciri keindahan bahasa dengan baik sehingga pengajaran itu sering gagal merealisasikan tujuan pengajarannya. Berkaitan dengan aspek latihan yang diberikan pula, Hasan Shahatah (1993: 190) menyatakan bahawa ia dilaksanakan hanya bagi membantu pelajar menjawab soalan peperiksaan atau mengupas kaedah *Balaghah* secara mantiq dan tidak dihubungkan dengan pemupukan cita rasa sastera.

## Tujuan dan Alat Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan dalam pengajaran *Balaghah* peringkat STPM di SMKA khususnya dari aspek-aspek matlamat dan objektif, kandungan sukatan pelajaran, kandungan bahan pengajaran, kaedah pengajaran dan bentuk penilaian yang dilaksanakan. Tiga alat kajian telah digunakan dalam kajian ini iaitu:

1. **Analisis Dokumen:** Kajian ini melibatkan dokumen-dokumen rasmi dan bercetak yang merangkumi Sukatan Pelajaran Bahasa Arab STPM 1999 (Majlis Peperiksaan Malaysia 1999), buku teks *al-Murshid fi Ilm al-Balaghah* (Osman Khalid 2001) dan kertas-kertas soalan peperiksaan *Balaghah* STPM tahun 2000 (Majlis Peperiksaan Malaysia 2000) dan 2001 (Majlis Peperiksaan Malaysia 2001). Dokumen-dokumen ini dipilih memandangkan ia merupakan sumber rasmi dan menyediakan data primer yang amat diperlukan bagi memenuhi objektif kajian ini.
2. **Pencerapan Kelas:** Bagi pencerapan kelas, sampel dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah memandangkan kajian ini bertujuan mendapatkan gambaran umum tentang kaedah yang dipraktikkan oleh guru dan bersifat deskriptif serta setiap individu dalam

populasi berkaitan mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih bagi memenuhi objektif pencerapan kelas.

Pencerapan kelas yang dilakukan melibatkan 12 kelas peperiksaan STPM tahun 2002 di 10 buah SMKA di 5 negeri. Jumlah ini merupakan 40% daripada jumlah keseluruhan SMKA yang terlibat dengan peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (25 buah). Pemilihan SMKA di negeri-negeri yang berkenaan adalah dipengaruhi faktor-faktor keizinan JPN, persetujuan guru, bilangan SMKA yang menyediakan kelas *Balaghah* Peringkat STPM, kos, masa dan kemudahan. Faktor-faktor tersebut diambilkira supaya pencerapan kelas dapat dilakukan dengan pragmatik, praktikal dan dapat mencapai objektif yang disasarkan. Sampel guru terdiri daripada 11 orang yang merupakan 37.9% daripada jumlah keseluruhan populasi guru SMKA yang mengajar kelas peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (29 orang). Manakala sampel pelajar pula ialah seramai 228 orang yang merupakan 35.1% daripada keseluruhan populasi pelajar SMKA yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (649 orang).

3. **Soal Selidik:** Kajian secara soal selidik melibatkan sampel yang juga dipilih secara rawak mudah memandangkan kaedah ini sesuai digunakan bagi mencapai objektif kajian soal selidik yang dikehendaki. Ia melibatkan guru dan pelajar di 20 buah SMKA di 10 negeri. Jumlah ini merupakan 80% daripada jumlah keseluruhan SMKA yang terlibat dengan peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (25 buah).

Sampel guru terdiri daripada 22 orang yang merupakan 75.9% daripada jumlah keseluruhan populasi guru SMKA yang mengajar kelas peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (29 orang). Manakala sampel pelajar pula ialah seramai 260 orang yang merupakan 40.1% daripada keseluruhan populasi pelajar SMKA yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Arab STPM pada tahun 2002 (649 orang). Pemilihan sampel guru dan pelajar bagi kajian secara soal selidik adalah berdasarkan keizinan JPN, persetujuan guru dan kemudahan. Peratusan di atas menunjukkan bahawa saiz sampel yang dipilih sudah mencukupi untuk mewakili populasinya dan dapat memberikan data yang tepat dari segi keesahan dan kebolehpercayaannya. Penerangan yang lebih terperinci mengenai mata pelajaran kajian ini akan dikemukakan dalam bahagian-bahagian yang berkenaan selepas ini.

## **Matlamat dan Objektif Pengajaran *Balaghah* Peringkat STPM**

Analisis dokumen yang dilakukan mendapati matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* Peringkat STPM tidak dinyatakan secara tersendiri apabila kesemua

komponen Bahasa Arab STPM mendorong satu set matlamat dan objektif yang sama.

Merujuk kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Arab STPM 1999, matlamat mata pelajaran Bahasa Arab peringkat STPM ialah membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa Arab serta mempertingkatkan cita rasa dan kehalusan Bahasa Arab melalui penghayatan karya pilihan. Matlamat ini cuba direalisasikan menerusi pencapaian mereka terhadap beberapa objektif iaitu membina kebolehan menggunakan bahasa yang baik, memperkukuhkan kemahiran menulis, membina kebolehan memahami bahan tulisan, membina kebolehan merumus butiran penting dan mengungkap kembali butiran tersebut, membina kebolehan menterjemah, membina kebolehan mengolah, membina pengetahuan tentang sejarah dan kekeluargaan Bahasa Arab serta perkembangan Bahasa Arab kini, memahami konsep asas kesusasteraan, memahami suasana zaman, persekitaran sosial, latar masyarakat dan pemikiran yang menghasilkan kesusasteraan, mengambil iktibar nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terungkap dalam kesusasteraan dan menguasai keindahan gaya bahasa sastera.

Selain memperlihatkan bahawa sasaran yang digariskan oleh sukatan pelajaran tersebut dinyatakan secara berorientasikan pelajar, pernyataan tersebut menunjukkan bahawa matlamat dan objektif yang digariskan adalah menyeluruh memandangkan ia meliputi pelbagai aspek yang merangkumi pengetahuan, kefahaman, kemahiran bahasa dan aplikasi ilmu. Perkara ini bertepatan dengan hasrat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang mengutamakan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990: 6, Abu Bakar Nordin 1993: 74, Musa Daia 1993: 58, Jamalludin Ishak 1993: 119).

Walau bagaimanapun, kajian mendapati objektif yang digariskan dalam konteks pengajaran *Balaghah* masih dinyatakan dalam bentuk umum dan tidak jelas. Hanya objektif 'menguasai keindahan gaya bahasa sastera' sahaja yang mempunyai ikatan yang nyata dengan mata pelajaran *Balaghah*. Oleh yang demikian, kajian mendapati wujud keperluan untuk menjelaskan objektif yang hendak dicapai menerusi mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM. Objektif tersebut perlu diperjelaskan dengan dinyatakan secara lebih khusus, boleh dilihat dan diukur sebagaimana yang dinyatakan oleh Richards, Platt dan Platt (1992: 254).

Objektif pengajaran *Balaghah* yang akan dinyatakan mestilah menitikberatkan pembentukan keupayaan bahasa dan sastera di kalangan pelajar supaya mereka mampu menghasilkan ungkapan yang fasih serta sesuai dengan kehendak konteks di samping dapat memahami, menikmati dan menilai bentuk sastera yang berbagai-bagai (Muhammad Saleh Samak 1975: 675, al-Maydani 1996: 11, Ab. Rahim Haji Ismail 1999: 189). Objektif yang akan dinyatakan tersebut juga haruslah menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif

██████████ ██████████ ██████████

pengajaran bahasa yang menekankan pembentukan keupayaan komunikatif (Widdowson 1978: 67, Littlewood 1981: 1, Cunningsworth 1984: 83, Oxford, Lavine & Crookal 1989: 33, Rollmann 1994: 225). Keutamaan mestilah tidak hanya diberikan kepada aras-aras pengetahuan, kefahaman dan analisis sahaja akan tetapi perlu juga diberikan kepada aspek aplikasi kaedah yang dipelajari untuk membina ungkapan.

Keperluan memperincikan objektif pengajaran *Balaghah* jelas kelihatan apabila dapatan soal selidik memperlihatkan bahawa terdapat kekeliruan yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam memahami matlamat dan objektif yang digariskan oleh sukatan pelajaran tersebut. Dapatan kajian secara soal selidik menunjukkan walaupun sebilangan besar guru bersetuju bahawa mereka memahami matlamat dan objektif sukatan pelajaran, akan tetapi kebanyakan mereka (77.3%) turut mengakui bahawa mereka masih menghadapi kekeliruan dalam memahaminya. Menurut mereka, kekeliruan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan pendedahan yang mencukupi (68.2%) dan matlamat atau objektif itu sendiri yang masih tidak jelas (40.9%). Maklum balas daripada pelajar juga memperlihatkan bahawa kebanyakan mereka masih keliru dan tidak memahami matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* dengan baik. Dapatan ini menyokong pandangan Abdullah Tahmim (1999: 36) yang menyatakan bahawa pelajar *Balaghah* di Malaysia tidak memahami apakah tujuan mempelajarinya.

Permasalahan yang berkaitan dengan kefahaman guru dan pelajar terhadap matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* perlu diberi perhatian dan ditangani dengan sewajarnya. Ini memandangkan kefahaman guru dan pelajar terhadap matlamat dan objektif pelajaran sangat penting dalam menjamin keselarasan antara kurikulum dan pelaksanaannya. Di samping itu, ia juga dapat memastikan bahawa keutamaan yang diberikan oleh guru selaras dengan keutamaan yang diberikan oleh pelajar (Nunan 1989: 185).

Selaras dengan cadangan sebahagian guru (40.9%), pihak yang berkenaan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan satu dokumen huraian sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM bagi menyediakan gambaran yang jelas dan terperinci kepada guru dan pelajar tentang matlamat dan objektif pengajarannya. Pendedahan yang lebih baik kepada guru tentang sukatan pelajaran *Balaghah* juga merupakan satu keperluan yang dipersetujui oleh kebanyakan guru (68.2%) bagi menangani masalah kekeliruan tentang matlamat dan objektif mata pelajaran ini.

## **Kandungan Sukatan Pelajaran *Balaghah* Peringkat STPM**

Dapatan kajian menerusi analisis dokumen menunjukkan bahawa kandungan sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM mencakupi hampir kesemua topik utama ilmu ini yang boleh membina pengetahuan dan kefahaman yang

mantap terhadap ilmu *balaghah*. Dari segi pemilihan dan penyusunan topik, kajian secara analisis dokumen juga mendapati, pemilihan topik-topik pelajaran dalam kandungan sukatan pelajaran adalah berdasarkan tradisi pemilihan topik ilmu ini tanpa wujudnya sebarang kriteria tertentu, manakala penyusunannya pula adalah dalam bentuk linear. Secara ringkasnya, sesuatu topik dimulakan dengan pengenalan konsep, kaedah kemudian disusuli dengan pembahagian, jenis dan tujuannya. Oleh itu, boleh dikatakan sesuatu pelajaran dimulakan dengan konsep yang lebih umum terlebih dahulu kemudian barulah dikemukakan aspek yang lebih khusus.

Dalam kandungan sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM, ilmu *Ma'ani* didahulukan kemudian disusuli dengan ilmu-ilmu *Bayan* dan *Badi'*. Memulakan pelajaran *Balaghah* dengan ilmu *Ma'ani* merupakan satu inisiatif yang wajar kerana ilmu ini lebih dekat dengan pengetahuan pelajar berbanding ilmu-ilmu *Bayan* dan *Badi'* di mana beberapa konsep dalam ilmu *Ma'ani* telah pun dipelajari oleh mereka menerusi mata pelajaran *Nahu*. Penyusunan ini bertepatan dengan pendapat Abdullah Tahmim (1999: 36) yang menyarankan agar ilmu *Ma'ani* didahulukan kerana ia lebih dekat dengan pencapaian bahasa pelajar.

Analisis dokumen yang dilakukan mendapati kandungan sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM lebih bersifat mendedahkan kepada pelajar dengan bentuk formal ilmu ini tanpa dikaitkan dengan aspek fungsian dan kemahiran bahasa sedangkan teori-teori pengajaran bahasa kini sangat menitikberatkan aspek fungsian dan juga penggunaan bahasa atau kaedah agar pengajaran yang dilaksanakan benar-benar dapat memenuhi keperluan bahasa pelajar dan mampu memupuk keupayaan bahasa dengan efektif (Cunningsworth 1984: 15, Yalden 1987: 92, Swan 1990: 89).

Dapatan menerusi analisis dokumen ini disokong oleh dapatan daripada soal selidik yang diperolehi di mana kebanyakan guru bersetuju bahawa kandungan sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM lebih cenderung kepada hafalan kaedah dan contoh (86.3%), tidak menekankan aspek pemupukan kemahiran Bahasa Arab secara keseluruhannya (72.8%) dan tidak menekankan aspek penggunaan kaedah (63.7%).

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati kandungan sukatan pelajaran *Balaghah* peringkat STPM tidak menepati matlamat dan objektif Bahasa Arab STPM yang digariskan, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran sebenar *Balaghah*, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa yang sewajarnya dan juga tidak menepati teori-teori tentang prinsip pemilihan kandungan dan format sukatan pelajaran bahasa yang sewajarnya sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

## **Kandungan Bahan Pengajaran bagi Mata Pelajaran *Balaghah* Peringkat STPM**

Bahan pengajaran yang menjadi fokus kajian ini ialah buku teks "*al-Murshid fi Ilm al-Balaghah*" yang disusun oleh Haji Osman Khalid. Buku ini dipilih sebagai bahan pengajaran yang dikaji memandangkan ia merupakan buku teks yang disarankan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Selain itu, pencerapan kelas dan soal selidik yang dilakukan telah membuktikan bahawa bahan pengajaran yang kerap digunakan semasa pengajaran *Balaghah* peringkat STPM ialah buku teks tersebut.

Dapatan kajian secara analisis dokumen yang dilakukan memperlihatkan bahawa wujud banyak keselarasan antara buku teks "*al-Murshid fi Ilm al-Balaghah*" dan kandungan sukatan pelajaran. Keselarasan yang dimaksudkan ialah dari segi pemilihan topik yang mengikut tradisi penentuan topik dalam ilmu ini, susunan topik-topik dalam bentuk linear, pemeringkatan topik daripada konsep umum kepada konsep yang lebih khusus dan ilmu *Ma'ani* mendahului ilmu-ilmu *Bayan* dan *Badi'*.

Secara ringkasnya, topik-topik pelajaran dalam buku teks ini dimulakan dengan pengenalan kaedah, kemudian disusuli dengan contoh-contoh, pembahagian-pembahagian topik, jenis-jenisnya, tujuan-tujuannya dan diakhiri dengan soalan-soalan latihan. Penerangan bagi sesuatu topik ditampilkan mengikut pendekatan deduktif iaitu dimulakan dengan konsep, kaedah atau definisi terlebih dahulu barulah disusuli dengan contoh-contoh. Penerangan kaedah dilakukan secara deskriptif (*wasfiyy*) dan tidak dalam bentuk fungsian (*wazifiyy*) atau penggunaan (*tatbiqiyy*). Sebahagian besar contoh yang dikemukakan terdiri daripada satu ayat atau beberapa bait yang dipetik daripada teks-teks syair, prosa, ayat al-Quran atau al-Hadis.

Dapatan kajian secara analisis dokumen juga menunjukkan bahawa kandungan isi pelajaran dalam buku teks ini lebih cenderung kepada pendedahan kepada pelajar tentang bentuk-bentuk formal ilmu *Balaghah* tanpa wujudnya ikatan yang jelas dengan aspek-aspek fungsian atau kemahiran-kemahiran bahasa. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa kandungan buku ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan maklumat-maklumat tentang ilmu *Balaghah* itu sendiri.

Perkara ini disokong oleh keputusan kajian secara soal selidik yang mendapati kebanyakan guru (86.3%) mengakui bahawa bahan pengajaran lebih cenderung kepada hafalan, manakala hanya sebahagian guru sahaja yang bersetuju bahawa bahan pengajaran yang digunakan bagi mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM menekankan aspek penggunaan (45.4%) dan mengandungi pelbagai situasi yang berkaitan dengan kehidupan sebenar pelajar (27.3%).

Analisis dokumen yang dilakukan mendapati buku teks yang digunakan tidak menyediakan aktiviti-aktiviti saranan. Ia juga tidak menyediakan gerak kerja-gerak kerja seperti mengisi tempat kosong, membina ayat, melengkapkan ayat, menulis esei, menyesuaikan rangkai kata, memperbetulkan kesalahan ayat, menukarkan gaya bahasa ayat, latihan-latihan terbuka dan sebagainya. Seeloknya, buku teks dapat menyediakan tugas-tugas yang pelbagai agar ia lebih menarik dan melibatkan kemahiran-kemahiran yang berbeza-beza.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati bahan pengajaran yang digunakan bagi pengajaran *Balaghah* peringkat STPM telah menyediakan maklumat tentang ilmu *Balaghah* yang cukup untuk membentuk pengetahuan, kefahaman dan kemahiran menganalisis contoh di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, ia masih belum mencukupi untuk memperkembangkan keupayaan bahasa pelajar secara menyeluruh memandangkan aspek-aspek fungsian, kemahiran dan penggunaan tidak menjadi fokus bahan berkenaan.

Kajian ini juga mendapati bahan pengajaran bagi mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM lebih cenderung kepada mendedahkan kepada pelajar dengan bentuk-bentuk formal ilmu *Balaghah* tanpa memberi fokus kepada aspek-aspek fungsian dan kemahiran-kemahiran bahasa. Buku teks ini juga tidak menyediakan latihan atau gerak kerja yang bersifat interaktif yang menggalakkan pelajar berinteraksi sesama mereka dengan menggunakan bahasa sasaran dan juga kaedah yang dipelajari. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa bahan pengajaran yang digunakan secara tidak langsung menyarankan penggunaan kaedah pengajaran yang menekankan aspek pengetahuan, kefahaman dan analisis terhadap kaedah *Balaghah* yang dipelajari tanpa memberi fokus kepada aspek aplikasi sama ada secara lisan atau pun tulisan.

### **Kaedah Pengajaran *Balaghah* Peringkat STPM**

Keputusan pencerapan kelas yang dilakukan mendapati, aktiviti dominan guru semasa menyampaikan pengajarannya ialah menerangkan definisi kaedah, aspek-aspek yang berkaitan dengannya seperti rukun-rukun dan bahagian-bahagiannya serta menganalisa contoh-contoh bagi menerangkan dan mengenalpasti kaedah yang dipelajari daripadanya. Aspek aplikasi kaedah tidak menjadi fokus pengajaran guru.

Dapatan pencerapan kelas juga memperlihatkan kaedah pengajaran yang sering dipraktikkan oleh guru ialah kaedah syarahan. Hal ini disokong oleh dapatan soal selidik guru yang sebahagian besarnya (95.5%) mengakui bahawa kaedah syarahan merupakan kaedah yang kerap dipraktikkan mereka. Aktiviti-aktiviti yang berbentuk komunikatif atau kumpulan tidak dijadikan sebagai kaedah pengajaran guru bagi mata pelajaran ini. Orientasi pengajaran sedemikian menyebabkan penglibatan pelajar agak terhad semasa proses pengajaran-pembelajaran dan penggunaan Bahasa Arab yang aktif hanya berlaku di pihak

guru sahaja. Perkara ini diakui oleh Ab. Rahim Haji Ismail (1993: 210) yang menegaskan bahawa kaedah syarahan tanpa wujudnya latihan menggunakan kaedah dan penghasilan ungkapan secara bebas (*free production*) menjadikan pelajar bersikap pasif.

Oleh yang demikian, kajian merumuskan bahawa objektif utama pengajaran guru-guru *Balaghah* peringkat STPM di SMKA ialah untuk membolehkan pelajar memahami kaedah-kaedah *balaghah* yang dipelajari dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya serta dapat menentukan kedudukannya dalam contoh-contoh yang dikemukakan.

Perlakuan pelajar yang paling ketara berdasarkan pencerapan kelas yang dilakukan ialah memerhati penerangan guru, membuat catatan dan menjawab soalan-soalan guru secara lisan. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelajar kebanyakannya dalam bentuk menganalisa contoh-contoh bagi menentukan kaedah *Balaghah* yang terdapat dalamnya. Penglibatan pelajar yang paling ketara semasa sesi pembelajaran *Balaghah* peringkat STPM hanya dalam bentuk membaca definisi kaedah, membaca contoh, memberi maksud perkataan, menentukan *I'rab* dan menentukan kaedah yang dipelajari dalam contoh yang dikemukakan. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa pengajaran *Balaghah* peringkat STPM merupakan satu contoh pengajaran yang berpusatkan guru.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa pengajaran *Balaghah* peringkat STPM lebih cenderung kepada memahami kaedah dan menganalisis contoh-contoh manakala aspek penggunaan kaedah kurang diberikan penekanan yang sewajarnya sedangkan aspek aplikasi sangat penting dalam mempertingkatkan keupayaan bahasa di kalangan pelajar.

Kajian ini juga merumuskan bahawa pengajaran *Balaghah* peringkat STPM adalah berpusatkan guru dan berorientasikan peperiksaan. Oleh yang demikian, kajian ini menyimpulkan bahawa kaedah pengajaran *Balaghah* peringkat STPM tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran Bahasa Arab STPM, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif sebenar pengajaran *Balaghah*, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa dan tidak menepati prinsip kaedah pengajaran bahasa yang sewajarnya sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

## **Bahan Penilaian Bagi Mata Pelajaran *Balaghah* Peringkat STPM**

Bahan-bahan penilaian yang dianalisis merangkumi soalan-soalan latihan dalam buku teks "*al-Murshid fi ilm al-Balaghah*," soalan peperiksaan *Balaghah* peringkat STPM tahun 2000 dan soalan peperiksaan *Balaghah* peringkat STPM tahun 2001.

Kajian secara analisis dokumen mendapati soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahan-bahan penilaian lebih menumpukan kepada aras-aras pengetahuan, kefahaman dan analisis. Peringkat analisis merupakan aras kognitif yang paling dominan dalam soalan-soalan penilaian yang diberikan. Aspek aplikasi atau penggunaan kaedah-kaedah yang dipelajari untuk membuat ungkapan yang indah tidak menjadi fokus utama bahan-bahan penilaian tersebut khususnya latihan dalam buku teks dan kertas peperiksaan *Balaghah* peringkat STPM tahun 2001. Analisis yang dilakukan mendapati tiada satu pun soalan yang berbentuk aplikasi kaedah dalam latihan di buku teks dan kertas peperiksaan *Balaghah* peringkat STPM tahun 2001.

Oleh yang demikian, kajian merumuskan bahawa bahan penilaian yang digunakan secara tidak langsung menyarankan penggunaan kaedah pengajaran yang menekankan pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap kaedah-kaedah *Balaghah* serta kemahiran mereka menganalisa bentuk-bentuk *Balaghah* yang terdapat dalam contoh-contoh yang dikemukakan. Tidak dinafikan bahawa pengetahuan, kefahaman dan analisis merupakan aspek-aspek yang cukup penting dalam pembelajaran ilmu *Balaghah*, walau bagaimanapun, membelakangkan aspek aplikasi merupakan satu perkara yang tidak wajar berlaku. Ini adalah kerana aspek aplikasi juga penting dalam menjamin perkembangan keupayaan bahasa dan penguasaan terhadap kaedah-kaedah *Balaghah* yang baik dan menyeluruh.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa bahan-bahan penilaian yang digunakan bagi mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran Bahasa Arab STPM, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa.

## **Rumusan dan Cadangan**

Berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi, beberapa permasalahan pengajaran *Balaghah* peringkat STPM telah dikenalpasti. Secara ringkasnya, permasalahan tersebut ialah:

1. Kekeliruan guru dan pelajar tentang matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM.
2. Guru tidak mendapat pendedahan yang secukupnya tentang matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM.
3. Kekurangan guru yang berkelulusan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab. Walaupun kebanyakan guru merupakan lulusan dalam bidang Bahasa Arab akan tetapi adalah lebih berkesan sekiranya dapat dihasilkan bakal-bakal guru Bahasa Arab yang merupakan lulusan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab.

4. Kandungan sukatan pelajaran tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif sebenar pengajaran *Balaghah*, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa dan juga tidak menepati teori-teori tentang prinsip pemilihan kandungan sukatan pelajaran serta penyusunannya.
5. Bahan pengajaran tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif sebenar pengajaran *Balaghah*, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa dan juga tidak menepati kriteria-kriteria bahan pengajaran bahasa yang efektif dan sesuai.
6. Kaedah pengajaran tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif sebenar pengajaran *Balaghah*, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa dan juga tidak menepati teori-teori tentang pengajaran bahasa yang sewajarnya.
7. Bahan penilaian tidak menepati matlamat dan objektif sukatan pelajaran, tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif sebenar pengajaran *Balaghah* dan tidak menepati teori-teori tentang matlamat dan objektif pengajaran bahasa.

Bagi memantapkan lagi pengajaran *Balaghah* peringkat STPM dan mengatasi permasalahan yang telah dikemukakan, kajian ini mencadangkan beberapa perkara sebagaimana berikut:

1. Pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk memberikan pendedahan yang sejelasnya kepada guru dan pelajar tentang matlamat dan objektif mata pelajaran *Balaghah* peringkat STPM.
2. Lebih ramai guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab perlu dilahirkan bagi mempertingkatkan lagi mutu pengajaran komponen-komponen Bahasa Arab di negara ini.
3. Kandungan sukatan pelajaran, bahan pengajaran, kaedah pengajaran dan bahan penilaian perlu diperkemaskan lagi supaya ia selaras dengan teori-teori pengajaran bahasa dan *Balaghah* yang telah mendapat pengiktirafan daripada ahli-ahli akademik. Inisiatif ini akan dapat memperkembangkan keupayaan bahasa pelajar yang menyeluruh dan bersepadu, menyuburkan motivasi mereka serta dapat mengatasi masalah penggunaan Bahasa Arab yang minima di kalangan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan supaya satu kajian yang terperinci dan sistematik tentang pembentukan sukatan pelajaran *Balaghah* yang sesuai dijalankan bagi mempertingkatkan mutu pencapaian

pengajaran-pembelajaran *Balaghah* peringkat STPM khasnya dan peringkat-peringkat lain amnya.

## Rujukan

Ab. Rahim Haji Ismail, 1993, The teaching of Arabic in the Faculty of Islamic Studies in The National University of Malaysia, Tesis Ph.D. University of Salford.

\_\_\_\_\_, 1999, Ta'lim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah, *Prosiding Seminar Balaghah (retorika) Arab-Melayu*, hlm. 185-194.

Abdullah Tahmim, 1999, Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi, *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 33-41.

Abu Bakar Nordin, 1993, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Dalam Adnan Kamis (pnyt.) *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan maklum balas*, hlm. 75-90, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cunningsworth, A, 1984, *Evaluating EFL Teaching Materials*, London: Heinemann Educational Books.

Fathi Farid, 1983, al-Hadf Min Dirasah al-Balaghah, *al-Azhar* February-March: 735-742.

Hasan Shahatah, 1993, *Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah: Bayn an-Nazariyyah Wa al-Tatbiq*, Ed. Ke-2, Kaherah: Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.

Jamalludin Ishak, 1993, KBSM: Integration of Skills in ESL, dalam Adnan Kamis (pnyt.), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*, hlm. 119-127, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, *Falsafah Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Littlewood, W, 1981, *Communicative Language Teaching: An Introduction*, Cambridge: Cambridge University Press.

Majlis Peperiksaan Malaysia, 1996, *Sukatan Pelajaran Untuk Pelajaran Bahasa-bahasa dan Sastera*.

\_\_\_\_\_, 1999, *Bahasa Arab STPM: Sukatan Pelajaran dan Soalan Contoh*.

\_\_\_\_\_, 2000, *Soalan Peperiksaan Bahasa Arab STPM Kertas 2*.

\_\_\_\_\_, 2001, *Soalan Peperiksaan Bahasa Arab STPM Kertas 2*.

Al-Maydani. Abd. al-Rahman Hasan Hannabakah, 1996, *al-Balaghah al-Arabiyyah: Ususuha wa Ulumuha wa Fununuha*, 2 Jil. Beirut: al-Dar al-Shamiyyah.

Muhammad Id, 1974, *Fi Lughah wa Dirasatiha*, Kaherah: Alam al-Kutub.

Muhammad Saleh Samak, 1975, *Fan At-Tadris li al-Lughah al-Arabiyyah wa Intiba'atuha al-Milkiyyah wa Anmatuha al-Amaliyyah*, Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Misriyyah.

Nunan, D. 1989, *Hidden agendas: The Role of the Learner in Programme Implementation*.

Dalam Johnson, R.K. (pnyt.), *The Second Language Curriculum*, hlm. 176-186, Cambridge: Cambridge University Press.

Osman Khalid, 1990, *Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia*, Kertas kerja Bengkel Pendidikan Islam di Malaysia I: Pendidikan Tahun 2000, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 27-30 Oktober.

\_\_\_\_\_, 2001, *al-Murshid fi Ilm al-Balaghah*, Shah Alam: RMI Multimedia Publishing.

Oxford, R. L., Lavine, R. Z. & Crookal, D. 1989, *Language Learning Strategies, the Communicative Approach and Their Classroom Implication*, *Foreign Language Annals*. 22 (1): 29-39.

Richards, J.C. Platt, J. & Platt H. 1992, *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics*, Ed. baru, Essex: Longman.

Rollmann, M. 1994, *The Communicative Language Teaching "Revolution" Tested: A Comparison of Two Classroom Studies: 1976 and 1993*, *Foreign Language Annals*, 27 (2): 225-233.

Swan, M. 1990, *A Critical Look at the Communicative Approach*, dalam Rossner, R. & Bolitho, R. (pnyt.), *Currents of Changes in English Language Teaching*, hlm. 73-98, Oxford: Oxford University Press.

██████████ ██████████ ██████████

Widdowson, H. G. 1978, *Teaching Language as Communication*,  
Oxford: Oxford University Press.

Yalden, J. 1987, *Principles of Course Design for Language Teaching*,  
Cambridge: Cambridge University Press.

---

ABDUL HAKIM ABDULLAH, Ph.D.  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: hakimabd@udm.edu.my.